



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 11/2018

– GARIS PANDUAN ETIKA PAKAIAN STAF UUM



**JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

Rujukan Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 30 Oktober 2018

Semua
Staf Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Prof/Tuan/Puan

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 11/2018
- GARIS PANDUAN ETIKA PAKAIAN STAF UUM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) ke- 250 Bil. 10/2018 pada 25 Oktober 2018 telah bersetuju menambahbaik pemakaian baju seperti di **perkara 4.0 - Jadual Pemakaian** dalam **Garis Panduan Etika Pakaian Staf UUM** sepanjang hari bekerja di Universiti Utara Malaysia seperti berikut;

Bil.	Jenis Pakaian	Hari
1.	Baju Melayu Bersamping	Ahad
2.	Pakaian yang ditetapkan semasa bekerja (Rujuk perkara 1.0, Garis Panduan Etika Pakaian Staf UUM)	Isnin
3.	Baju Korporat Universiti	Selasa
4.	Pakaian yang ditetapkan semasa bekerja (Rujuk perkara 1.0, Garis Panduan Etika Pakaian Staf UUM)	Rabu
5.	Pakaian Batik (Rujuk perkara 2.0, Garis Panduan Etika Pakaian Staf UUM)	Khamis

3. **Garis Panduan Etika Pakaian Staf UUM** adalah seperti di lampiran.

4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah

(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Pendaftar

Universiti Utara Malaysia

Tel: 04-9283100 Faks: 04-9283104

E-mel: baha646@uum.edu.my

s.k - Yang Berbahagia Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



GARIS PANDUAN ETIKA PAKAIAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Pakaian Semasa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara Rasmi

Pendahuluan

Garis panduan yang disediakan ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985: Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 berkaitan Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Setiap Hari Khamis, yang telah diterima pakai.

1.0 Pakaian Yang Ditetapkan Semasa Bekerja

1.1 Pakaian Lelaki

- 1.1.1 Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan I, 'lounge suite' atau 'bush jacket' buatan dari kain yang sesuai; atau seluar panjang dengan baju kemeja.
- 1.1.2 Pegawai-pegawai dalam kumpulan Sokongan II, seluar panjang beserta baju kemeja dengan warna yang sesuai, baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang tangan baju hendaklah jangan dilipatkan. Baju-T berkolar bulat juga tidak dibenarkan.
- 1.1.3 Pegawai Pengurusan dan Profesional (P & P), Pegawai Sokongan 1 serta Penolong Pegawai Tadbir khususnya, hendaklah sentiasa memakai tali leher yang sesuai semasa bertugas di pejabat.
- 1.1.4 'Jeans' atau seluar pendek atau seluar panjang yang tidak kemas tidak dibenarkan. Ini termasuk juga 'slack', 'track bottom' dan 'seluar pendek'.
- 1.1.5 Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenisnya dengannya adalah dibenarkan. Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.

- 1.1.6 Rambut hendaklah pendek dan kemas, serta tidak mencecah bahu.
- 1.1.7 Pegawai tidak dibenarkan memakai apa jenis bentuk pakaian atau perhiasan yang melambangkan wanita contohnya berskaf, bertas tangan, bergincu dan sebagainya.
- 1.1.8 Semua bentuk pakaian korporat yang dibuat oleh jabatan/kolej adalah tidak dibenarkan **kecuali** bagi tujuan aktiviti dan fungsi tertentu sahaja dan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.2 Pakaian Wanita

- 1.2.1 Pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja. 'Jeans', 'slack', 'track bottom', 'seluar pendek' dan baju-T tidak dibenarkan. Begitu juga apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- 1.2.2 Pakaian hendaklah berimej korporat. Hiasan yang terlalu banyak dan pakaian **casual* tidak dibenarkan ke pejabat. Semua bentuk pakaian hendaklah menutup paras punggung dan longgar. Kain berbelah yang menjolok mata tidak dibenarkan. Pemakaian skirt hendaklah di bawah paras lutut.
- 1.2.3 Sandal, cerpu atau sejenis dengannya yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai dengan pakaian yang ditetapkan. Semua jenis kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- 1.2.4 Pegawai wanita tidak dibenarkan memakai pakaian yang menjolok mata.
- 1.2.5 Pakaian wanita hendaklah mencontohi Pakaian Rasmi Pelajar Perempuan mengikut peruntukan Kaedah-kaedah Universiti Utara Malaysia (Tatatertib pelajar-pelajar) 1984; AUKU. 1971.
- 1.2.6 Semua bentuk pakaian korporat yang dibuat oleh jabatan/kolej adalah tidak dibenarkan **kecuali** bagi tujuan aktiviti dan fungsi tertentu sahaja dan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.3 Pakaian Saragam (Lelaki & Wanita)

Pegawai yang disyaratkan memakai pakaian seragam dan dibekalkan dengan pakaian berkenaan hendaklah sentiasa memakainya semasa bekerja seperti yang ditetapkan dalam peraturan.

2.0 Pakaian Batik

- 2.1 Semua staf UUM dikehendaki untuk memakai pakaian batik UUM pada setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan dan batik buatan Malaysia pada setiap hari Khamis pada minggu-minggu berikutnya, sebagai sebahagian pakaian rasmi semasa bekerja, selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008.
- 2.2 Bagi pegawai lelaki, mereka hendaklah memakai baju batik berlengan panjang dan berkolar, manakala bagi pegawai wanita pula mereka boleh memakai pakaian batik yang bersesuaian.
- 2.3 Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain. **Walau bagaimanapun, pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam adalah digalakkan memakai pakaian batik UUM pada setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan.**

3.0 Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

- 3.1 Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P & P) adalah seperti tercatat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 seperti berikut:

'Pakaian Istiadat'	Ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan
'Pakaian Black Tie'	Ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam.

'Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi' Ertinya Pakaian Kebangsaan atau Dark Lounge Suit bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri

- 3.2 Kumpulan yang bukan daripada kategori di atas adalah tertakluk kepada *Pakaian-pakaian Semasa Menghadiri Upacara Rasmi* seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985.

4.0 Jadual Pemakaian

HARI	PAKAIAN
AHAD	Baju Melayu Bersamping
ISNIN RABU	Pakaian yang ditetapkan semasa bekerja (Rujuk perkara 1.0)
SELASA	Baju Korporat Universiti
KHAMIS	Pakaian Batik (Rujuk Perkara 2.0)

Catatan:

Pakaian **casual*

- 'Blaus' berbunga yang dipadankan dengan seluar (tidak termasuk 'pant suit').
- Baju berenda yang tidak kemas.
- 'Jubah/maxi' yang tidak kemas.



JABATAN CANCELORI
CHANCELLERY
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARULAMAN
MALAYSIA



UUM
Universiti Utara Malaysia

Tel: 604-928 3007
Faks (Fax): 604-928 3016
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

Unit Komunikasi Korporat

"MUAFKAT KEDAH"

Ruj. Kami : UUM/CAN(UKK)/P-7/6
Tarikh : 04 Januari 2018

Semua
Timbalan Naib Canselor
Penolong Naib Canselor
Dekan Pusat Pengajian/Pembangunan Pelajar & Alumni
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Prof./Tuan/Puan

ARAHAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT UNIVERSITI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dipohon agar semua jabatan dapat menyediakan baju korporat universiti untuk digunakan oleh semua kakitangan di jabatan masing-masing.
3. Untuk makluman, kos penyediaan baju korporat ini hendaklah ditanggung oleh jabatan masing-masing.
4. Justeru, diminta agar semua pusat tanggungjawab dapat mengikut spesifikasi baju korporat UUM yang telah ditetapkan seperti contoh yang disertakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

MOHD. ZULKIFLI BIN MOHD. NOOR
Pengarah
Unit Komunikasi Korporat

Tel. : 04-928 3039 / 3040
HP : 019-937 5993

Faks
e-mel


: 04-928 3053
: mohdzul@uum.edu.my

s.k. : Naib Canselor
Pengarah, Jabatan Canselor
MZMN/nmn

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



Fonts: Gotham italic




Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University

Fonts: Gotham
saiz skil: 4 cm (W)



saiz: 3 mm

Warna:
Cyan 90
Magenta 81
Yellow 0
Black 0



Jenis kain:
Viscos putih